

D444

U B774 DEB

MAHATHIR - TAKAFUL 1985

KUALA LUMPUR, 1 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PERLUNYA UMAT ISLAM MENGUMPUL PENGALAMAN DAN KEPAKARAN DALAM SESUATU BIDANG SEBELUM MAHUKAN BIDANG ITU DILAKSANAKAN SECARA HUKUM SYARAK.

PERDANA MENTERI BERKATA KEGAGALAN DALAM BIDANG MUAMALAH ATAU PERNIAGAAN SECARA ISLAM, UMPAMANYA, PADA MASA LALU ADALAH DISEBABKAN UMAT ISLAM BELUM DAPAT MENDALAMI SELOK-BELOK DAN PENGALAMAN DALAM BIDANG YANG DICEBURI.

KETIKA BERUCAP MELANCARKAN SYARIKAT TAKAFUL SDN. BHD. DI RUMAH MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA PELANCARAN SYARIKAT TAKAFUL DAN BANK ISLAM DI NEGARA INI YANG DIBUAT BARU-BARU INI ADALAH HASIL PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN YANG DIPEROLEHI OLEH PARA PEGAWAI BERAGAMA ISLAM SELAMA 10 HINGGA 20 TAHUN.

SYARIKAT TAKAFUL YANG PERTAMA WUJUD DI MALAYSIA HANYA DALAM TAHUN 1979 DAN MERUPAKAN KE-10 DI DUNIA.

+BAGI MELAKSANAKAN HUKUM-HUKUM ISLAM DALAM SISTEM KEWANGAN DI ZAMAN MODEN INI, ILMU PENGETAHUAN MENGENAI HUKUM-HUKUM ISLAM YANG BERKAITAN SAHAJA ADALAH TIDAK MEMADAI.

+BAGI MENUBUHKAN DAN MENJALANKAN SYARIKAT TAKAFUL, CONTOHNYA, KITA JUGA BERKEHENDAKKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN MENGENAI SELOK-BELOK PERNIAGAAN INSURANS ITU SENDIRI,+ TEGASNYA. -- LAGI
1920MST 01 08 85

D454

U B779 DEB

MAHATHIR - TAKAFUL 2 KUALA LUMPUR

SELAIN ITU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, UMAT ISLAM MEMERLUKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN DALAM BIDANG-BIDANG SEPERTI PENGURUSAN SYARIKAT, PENGURUSAN TENAGA MANUSIA, PERAKAUNAN, PERUNDANGAN DAN PENGGUNAAN ALAT-ALAT MODEN BAGI MEMBOLEHKAN SYARIKAT TAKAFUL ITU DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA.

KATANYA, ADALAH JELAS SEMUA ILMU ITU BERKAIT RAPAT DENGAN AMALAN AJARAN ISLAM.

+MASYARAKAT ISLAM TIDAK AKAN BERJAYA DAN SEMPURNA, JIKA SELAIN BERIBADAT, MEREKA TIDAK ADA KEBOLEHAN,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU SUKACITA KERANA MELALUI DASAR EKONOMI BARU, PARA PEGAWAI BERAGAMA ISLAM DI NEGARA INI TELAH DAPAT MEMAHAMI HUKUM-HUKUM ISLAM DAN JUGA CARA DAN SISTEM KEWANGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENJAYAKAN INSURANS ISLAM.

SAMBIL MENYEBUT AKTIVITI-AKTIVITI SISTEM KEWANGAN SECARA ISLAM MERUPAKAN USAHA PERINGKAT AWAL DAN PENEROKAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KEJAYAANNYA AKAN BERGANTUNG KEPADA KEUPAYAAN UNTUK MENCAPAI TAHAP DAYA-HIDUP DAN DAYA-MAJU.

DI NEGARA INI, KATANYA, KERAJAAN SEMEMANGNYA BERUSAHA MELAKSANAKAN PRINSIP-PRINSIP PERNIAGAAN MENGIKUT LUNAS-LUNAS HUKUM ISLAM. -- LAGI

1977MST 01 08 85

D476

U 8780 DEB

MAHATHIR - TAKAFUL 3 KUALA LUMPUR

+TETAPI IA BUKANLAH BERMAKNA BAHAWA APABILA KITA BERNIAGA ATAS LANDASAN HUKUM ISLAM, PERNIAGAAN KITA SECARA AUTOMATIK AKAN BERJAYA.

+BERJAYA ATAU TIDAKNYA PERNIAGAAN BERGANTUNG KEPADA KECEKAPAN PENGURUSAN SESUATU PERNIAGAAN ITU.

+SAYA BERHARAP KITA TIDAK MEMBUANG TENAGA MELAUNGAN SLOGAN-SLOGAN YANG ENAK DIDENGARI, TETAPI KOSONG ISINYA, SEBALIKNYA KITA HENDAKLAH MELANGKAH SETAPAK DEMI SETAPAK KE ARAH PELAKSANAAN HUKUM-HUKUM MUAMALAH INI. TIDAK ADA GUNANYA KITA MENGECEM SISTEM-SISTEM LAIN.

+YANG PENTING DAN BERKESAN IALAH KITA MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN SISTEM ISLAM UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BUKAN SAHAJA MASYARAKAT ISLAM, TETAPI MASYARAKAT KESELURUHANNYA,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MENGENAI PENUBUHAN SYARIKAT TAKAFUL ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, IA MERUPAKAN SETAPAK LAGI LANGKAH YANG DICAPAI OLEH UMAT ISLAM DI NEGARA INI DALAM PENEROKAAN UNTUK MELETAKKAN ASAS BAGI MEMBINA SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA SISTEM TAKAFUL ITU MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN BUKAN SAHAJA UNTUK UMAT ISLAM BAHKAN MEREKA YANG BUKAN ISLAM JUGA KERANA DALAM BIDANG MUAMALAH ISLAM MEMPUNYAI NILAI-NILAI UNIVERSAL UNTUK KEBAIKAN DAN KEBAJIKAN SEMUA UMAT MANUSIA. -- LAGI

2011MST 01 08 85

MAHATHIR - TAKAFUL 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN SEMUA BAKAL PELANGGAN SYARIKAT TAKAFUL ITU SUPAYA MENGHAYATI NILAI-NILAI ISLAM, IAITU PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT DAN PELANGGAN HENDAKLAH DILAKSANAKAN DENGAN JUJUR, AMANAH DAN BERTANGGUNGJAWAB.

+JUSTERU ITU, JANGANLAH ADA ANTARA BAKAL PELANGGAN YANG CUBA MEMBERI KETERANGAN PALSU SEMASA MENGISI BORANG CADANGAN, ATAU MUNGKIR MEMBAYAR SUMBANGAN BULANAN, ATAUPUN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN-TUNTUTAN TIPU MUSLIHAT, KERANA PERBUATAN ITU DIKUTUK OLEH ALLAH,+ KATANYA.

KEPADA PIHAK PENGURUSAN SYARIKAT, PERDANA MENTERI MENASIHATI MEREKA AGAR TIDAK MELAKUKAN PENYELEWENGAN DAN PENYALAHGUNAAN MODAL PELANGGAN KERANA IA HANYA AKAN MEMBURUKKAN AGAMA ISLAM.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI KEWANGAN, ENCIK DAIM ZAINUDDIN, MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, YANG JUGA Pengerusi Badan Perunding Islam, dan Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam, Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman. -- BERNAMA

2013MST 01 08 85